

Kerana itu dasar kepada lebih murah yang biasa
dijalankan bagi tender-tender yang terbuka kepada umum itu
mestilah ditiadakan dan kerajaan hendaklah memberi peluang
supaya keistimewaan diberi kepada perusahaan itu dengan
mengadakan (kuota) untuk bahagian melayu.

Inilah jalan jalan yang kita berharap difikirkan oleh
kerajaan.

Jangan segan-segan bertindak

Menurut sebuah akhbar tempatan bahawa kedutaan
Indonesia telah membuat kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan
di Persekutuan Tanah Melayu.

Terbit daripada ini Tuan Syed Jaafar Albar ahli
parliament telah meminta kerajaan bertindak dan mengambil
perhatian yang kuat dan keras dalam hal itu.

Kita telah beberapa kali menulis dan memperingatkan
betapa pihak-pihak kedutaan Indonesia berpuluh-puluh tahun
sudah lamanya berleluasa untuk mempengaruhi rakyat negeri
ini untuk taat kepada kerajaan Indonesia.

Kita telah juga membawa perhatian bagaimana dari
satu ke satu masa, didalam keraian-keraian sambutan
ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang diadakan
di Singapura dan Pulau Pinang disusun dengan menjemput
(mengambil) orang-orang dari Muar ke Parit Buntar dengan perbelanjaan-perbelanjaan
yang dibayar oleh kerajaan-kerajaan Indonesia.

Bagaimana pula halnya dengan berleluasa kebudayaan
dan sastera Indonesia merempuh Malaya sehingga

menjadikan anak-anak kita lebih keindonesiaan daripada kemelayaan.

Ini semuanya adalah sebagai langkah pertama
Indonesia untuk menjajah Malaya. Kemudianya orang-orang
yang sudah dipengaruhi mereka itu kelak akan jadi
sayap kelima untuk membinasakan melayu, jika terjadi
sesuatu perkara yang tidak diinginkan.

Dengan keadaan-keadaan ini kita adalah menyertai Tuan
Syed Jaafar Albar menuntut supaya kerajaan menumpukan
perhatian kepada apa-apa perbuatan berbahaya untuk
keselamatan tanah melayu daripada anasir-anasir yang bakal
meruntuhkan persekutuan tanah melayu sedikit demi
sedikit.

Kita berkeyakinan terus-menerus bahawa selagi
Sukarno memerintah, maka cita-citanya yang pertama ialah memasukkan
Malaya seterusnya Malaysia ke dalam pemerintahan Indonesia.
Ramalan ini bukanlah olok-olok tetapi keadaan akan
menunjukkannya. Sukarno akan mengorbankan rakyatnya
ke dalam neraka dunia, asalkan sahaja cita-citanya sampai
malangnya bagi umat Indonesia, terutamanya bangsa Jawanya
umumnya, jiwanya telah runtuh seperti keadaan jiwa
Bani Israel di zaman Firaun. Mereka tidak berupaya
bangkit melainkan ada pemimpin yang memimpin mereka kepada
kesedaran.



Sudah siap:

P E R S U R A T A N M E L A Y U I I I

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam: